



**MUKADIMAH  
YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN**

**PERSIDANGAN  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2023**

**DEWAN PERSIDANGAN BANGUNAN DEWAN MAJLIS  
MAC 2023**

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah Rabbil Alamaeen Wassalaatu Wassalamua Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammad Waalaa Aalihee Wasahhbihee Ajmaeen

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Salam dan salam sejahtera.

Pertama, kaola juga ingin menyertai rakan-rakan kaola dalam dewan ini mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas pelantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada yang dilantik kerana jawatan dalam kalangan Orang-Orang yang Bergelar yang telah mencapai kecemerlangan dan ahli-ahli yang dilantik mewakili daerah-daerah.

Alhamdulillah, kaola merafakkan syukur ke hadrat Allah Swt dan dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperuntukan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan bagi tahun kewangan 2023/2024 berjumlah **\$334,918,862** yang pecahannya seperti berikut:

- **\$115,181,970** untuk gaji kakitangan;

- **\$109,937,590** untuk perbelanjaan berulang-ulang;
- dan **\$119,799,302** bagi projek-projek dibawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 yang sedang dan akan dilaksanakan dengan harga rancangan **\$1,492,174,136**.

### **FOKUS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2023/2024**

Dalam usaha untuk mencapai matlamat kedua Wawasan 2035 iaitu Kualiti Kehidupan Tinggi bagi rakyat dan penduduk negara ini, Kementerian Pembangunan akan terus komited dalam penyediaan infrastruktur - kemudahan awam dalam mendokong keperluan socio dan ekonomi negara.

Kearah ini, perbelanjaan bagi tahun kewangan 2023/2024 akan memfokuskan:-

- Pertama: Untuk mempertingkatkan Pemeliharaan Aset bagi peralatan dan kelengkapan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan dibawah Kementerian Pembangunan;
- Kedua: Untuk melaksanakan pembinaan rumah selaras dengan perancangan dan meningkatkan pemeliharaan perumahan yang memerlukan pembaikan diantaranya rumah – rumah transit terrace dibawah Rancangan Perumahan Negara dan Penambahbaikan Apartmen di Skim Perumahan Negara Kg Lambak Kanan;
- Ketiga: Meningkatkan pemeliharaan aset-aset perkhidmatan air bagi menjamin bekalan air yang bersih dan berterusan.

- Keempat: Kesediaan infrastruktur dalam menangani impak perubahan iklim dan kenaikan paras laut (sea level rise) terutamanya dalam mitigasi bencana banjir dan perlindungan persisiran pantai.
- Kelima: Menyediakan dan membukakan tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dimajukan bagi kemajuan bercampur (mixed development).
- Keenam: Pengurusan Alam Sekitar yang bersih dan berdaya tahan bagi perairan dan darat, termasuk Pembersihan Sg Brunei dan pengurusan Taman dan landskap.

## **PERUMAHAN NEGARA YANG MAMPAN**

Kearah usaha meningkatkan kesejahteraan awam dengan penyediaan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu untuk dimiliki, Kementerian ini menitikberatkan pengurusan dan pelaksanaan projek bagi pembangunan perumahan dan prasarana kemudahan asas yang terancang mengikut standard piawaian yang sedia ada. Bagi tujuan ini, pengurusan pemeliharaan estet dan aset, yang berjumlah \$3,066,320.00 telah diperuntukkan pada tahun ini.

Sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1984, sebanyak 30,296 buah rumah dan lot tanah telah dikurniakan dibawah Skim Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dengan keluasan keseluruhan 5,525 hektar di ke – empat-empat daerah.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-11 (RKN 11) ini, dua (2) projek perumahan adalah dalam peringkat pelaksanaan, :

- 1) Pertama, Perumahan Negara Kg. Lugu Fasa 2, iaitu 1,000 buah rumah teres yang sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap sebelum penghujung 2023. Projek ini telah dimulakan pada bulan Januari tahun 2021 dan telah mengalami kelambatan selama tujuh bulan yang mana sepatutnya telah siap pada bulan Januari 2023. Antara faktor penyebabnya adalah tempoh waktu bekerja yang terjejas, sekatan perjalanan yang menyebabkan kekurangan pekerja semasa pengasingan diri dan lock-down dalam gelombang pertama dan kedua Pandemik Covid-19 bagi membendung penularan wabak Covid-19. Alhamdulillah, kini progress projek adalah on *track* dan insyallah siap sebelum penghujung tahun ini.
  
- 2) Kedua, Perumahan Negara Kg. Tanah Jambu Fasa 7, iaitu sebanyak 950 buah rumah teres yang mana dijangka akan siap pada bulan Januari 2025.

Melalui peruntukan Rampaian, sebanyak 140 unit rumah teres di Perumahan Negara Kg. Rimba telah siap dibina pada bulan September 2022. Rumah-rumah ini akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkeelayakan pada tahun ini.

Bagi Perumahan Negara Kg. Lambak Kanan iaitu apartmen Kontrak H40, setakat ini sebanyak (270 unit dari 300 unit) telah pun diperuntukkan dan baki 30 unit lagi akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkeelayakan pada tahun ini.

Sementara itu, menyentuh mengenai isu rumah-rumah rosak yang terdapat di Perumahan Negara Kg. Panchor (Mengkubau), dari jumlah keseluruhan 4,000 unit rumah di kawasan tersebut, sebanyak 3,409 unit rumah telah

diperuntukkan kepada Pemohon. Sebanyak 591 unit rumah adalah masih kosong dan belum diperuntukkan kerana rumah-rumah tersebut mengalami kerosakan. Sehingga kini, dari 3,409 unit rumah yang telah diperuntukkan, Jabatan Kemajuan Perumahan telah menerima sebanyak 291 aduan daripada pemilik-pemilik rumah yang mengalami kerosakan dan bilangan aduan dijangka akan bertambah dari masa ke semasa.

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengusahakan beberapa perkara seperti berikut:

- 1) Membaikpulih 39 unit rumah rosak yang berada di luar Kawasan yang terjejas.
- 2) Menawarkan kepada 41 pemilik rumah, rumah-rumah yang telah didapati mengalami kerosakan berpindah ke rumah yang berkeadaan lebih baik (24 pemilik rumah rosak berpindah ke rumah gantian di Perumahan Negara Kg. Panchor (Mengkubau); 4 pemilik rumah rosak dipindahkan secara sementara ke rumah transit di Perumahan Negara Kg. Lambak Kanan, manakala 13 pemilik rumah belum lagi berpindah atas sebab-sebab yang tertentu;
- 3) Ketiga, Jabatan Kemajuan Perumahan telah membaikpulih beberapa kerosakan infrastruktur seperti longkang roboh dan pecah di enam (6) lokasi; manakala jalanraya rosak seperti kejadian (sink hole) telah dibaikpulih melalui bantuan Jabatan Kerja Raya; dan
- 4) Membuat perancangan bagi membaikpulih 60 unit lagi rumah-rumah yang mengalami rosak, menaiktaraf sistem saliran bagi mengelakkan

kejadian banjir, membaikpulih jalan raya rosak dan juga masalah tanah susur.

Mengenai dengan kawasan Perumahan Negara Panaga, Daerah Belait isu yang dihadapi ialah isu sistem pembetungan yang seringkali dibuat aduan oleh penduduk setempat kerana tersumbat dan air kumbahan melimpah keluar dari *manhole* yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat dari masa ke semasa.

Sejak perumahan berkenaan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) belum dapat menyerahkan sistem pembetungan yang sedia ada, kerana ianya tidak dapat berfungsi sebagai sistem vakum secara keseluruhan sepertimana yang dihasratkan. Pihak BEDB masih mengikhtiarkan untuk mengubah dari sistem vakum kepada sistem *gravity* bagi Precinct 5 dan Precinct 6 sementara mengekalkan sistem vakum di Precinct 1, Precinct 2, Precinct 3 dan Precinct 4.

Dalam hal ini pada sebahagian kawasan berkenaan, kerja-kerja pembaikan adalah sukar untuk dilaksanakan disebabkan oleh *manhole* dan *vacuum chambers* adalah dalam keadaan *enclosed* dan tertutup didalam kawasan rumah yang sudah ditambah dan diubahsuai yang boleh menghalang kawasan akses bagi kerja-kerja membaikpulih.

Oleh itu, pihak BEDB sedang mendapatkan penyelesaian bagi meneruskan kerja-kerja pembaikan sebelum sistem pembetungan berkenaan dapat diserahkan kepada Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya untuk tujuan penyelenggaraan bagi kerja-kerja pemeliharaan yang seterusnya.

Manakala bagi kawasan Perumahan Negara Kampong Bukit Beruang, Daerah Tutong, isu yang dihadapi ialah isu banjir di Jalan Bukit Bilid dan Jalan Paya Namurai yang melibatkan sebilangan rumah di Zon 3 (56 unit rumah) dan Zon 5 (6 unit rumah), terutamanya semasa waktu hujan lebat. Kejadian banjir masih lagi berlaku di kawasan berkenaan dan Jabatan Kemajuan Perumahan masih membuat pemantauan perkara ini.

Hasil penelitian oleh Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya mendapati bahawa sistem perparitan dalaman atau *internal drainage* di kawasan tersebut tidak dapat menampung air turunan hujan berintensiti tinggi yang menyebabkan kejadian banjir di kawasan berkenaan.

Oleh itu, penelitian semula reka bentuk dan rangkaian sistem saliran yang bersesuaian adalah diperlukan bagi menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut. Perkara ini memerlukan pembaikan lanjut peruntukan yang akan dipohonkan kemudian.

Dalam masa yang sama, Jabatan Kemajuan Perumahan akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan longkang, secara rutin dan berkala melalui kontrak berpenggal (term contract), terutamanya semasa musim hujan.

## **PERKHIDMATAN AIR**

Dalam usaha pembekalan air bersih secara berterusan dan mencukupi, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air, akan memfokuskan inisiatif bagi meningkatkan efisiensi, keberkesanan, kebolehtahanan loji-loji rawatan air seperti penggantian peralatan-peralatan



di Loji Rawatan Air Bukit Barun yang telah siap dilaksanakan pada tahun lepas. Antara usaha- usaha yang akan diteruskan adalah :

1. Meningkatkan kerja kerja pemeliharaan secara berancang di loji loji rawatan untuk mengelakkan atau mengurangkan kerosakkan di luar jangkaan.
2. Membersihkan tangki-tangki air mengikut jadual dipergiatkan dalam usaha untuk mengurangkan kejadian air berlumpur dan air kekuningan;
3. Mempertingkatkan lagi keberkesanan *standard operating procedures* (SOP) dalam bertindak terhadap aduan-aduan yang diterima dari orang ramai mengenai gangguan bekalan air, kejadian paip pecah atau kerosakkan aset untuk memastikan '*quick response*' supaya dapat mengurangkan gangguan kepada bekalan air bersih ketahap yang minima; dan
4. Menyebarkan lagi maklumat mengenai kerja-kerja pembaikan yang mengakibatkan gangguan-gangguan bekalan air melalui media social supaya pihak yang terjejas dapat membuat persediaan yang diperlukan.  
Disamping itu jua, beberapa kawasan yang sering saja mengalami masalah gangguan bekalan air atau tekanan rendah telah dapat ditangani antara nya:
  - Kawasan RPN Lambak Kanan seperti Jalan 77 dan Jalan 49, dengan beberapa usaha melaksanakan penggantian paip air, penyucian tangki-tangki air dan penyambungan paip alternative dari sistem coastal ke RPN Lambak Kanan telah dapat meningkatkan tekanan dan kualiti air.

- Kedua, Kawasan Kg Lumapas dengan beberapa pembaikan seperti pemasangan pam booster air dan mengoperasikan semula tangki Sg Kebun yang telah dapat meningkatkan tekanan dan kualiti air yang mana telah disahkan oleh penduduk kawasan tersebut.
- Ketiga, Sebahagian kawasan di Limau Manis (Spg 96), Kg Sg Akar (Spg40-57), Kg Madang(Spg 84), Kg Bunut (Spg 11-55, Spg 698), Kg Jerudong(Spg 396-54) dan Kg Tungku(Spg 367) dimana langkah-langkah penambahbaikan dan penggantian paip air baru di beberapa kawasan-kawasan yang mengalami masalah air telah dapat ditangani. Maka, melalui peruntukkan yang dikhaskan pada tahun ini, usaha berterusan di kawasan-kawasan lain akan dilaksanakan mengikut keutamaan.

Dari segi perancangan jangka panjang, projek pembinaan bagi pembesaran loji rawatan air di Bukit Barun (i.e. Bukit Barun Stage 8) sedang berjalan pada masa ini. Projek ini bertujuan untuk menambah kapasiti pengeluaran air bersih kepada Daerah Brunei dan Muara sebanyak 120 juta liter sehari, dijangka akan siap insyaallah pada tahun 2025. Pembesaran loji ini membolehkan process rawatan air keruh akibat bahan organik yang tinggi dari Sungai Tutong dengan lebih berkesan. Insyaallah dengan siapnya projek ini nanti, akan meningkatkan lagi sistem bekalan air yang lebih efektif dan *reliable*.

Dalam menjalankan pemantauan pembaziran air yang berpunca dari kebocoran paip, Kementerian ini berterima kasih kepada orang ramai YANG memberikan kerjasama menyalurkan maklumat kes-kes kebocoran paip melalui media sosial dan melalui Talian Darussalam 123.

Kementerian menghargai kesabaran orang ramai dalam menghadapi kesulitan gangguan bekalan air dalam masa kerja-kerja memulihkan bekalan air dilakukan.

Salah satu usaha yang masih diteruskan dijalankan secara beperingkat adalah pemasangan USMS smart meter iaitu satu projek bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan DST Networks sdn bhd. Sejak Oktober 2022 hingga kini, sebanyak 2659 dari 125,000 smart water meter yang disasarkan telah dipasang. Perancangan usaha ini ialah bagi mengganti meter-meter yang lama ke smart meter sepenuhnya. Dengan adanya sistem ini nanti, setiap pelanggan akan dapat memantau penggunaan air mereka secara online. Orang ramai dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membolehkan pemasangan smart meters tersebut di premis-premis dan rumah-rumah seperti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat

### **MITIGASI BANJIR**

Dalam mengangi banjir, Kesan dari aktiviti pembangunan yang semakin pesat dan impak perubahan iklim, isu banjir ditangani melalui perancangan projek-projek saliran.

Setakat tahun 2022, sebanyak 145 buah *hotspot* kawasan mudah banjir di seluruh Negara telah dikenalpasti iaitu sebanyak 65 hotspot di Daerah Brunei Muara, 35 hotspot di Daerah Tutong, 25 hotspot di Daerah Belait dan 20 hotspot di Daerah Temburong.

Dalam menangani perkara itu, dengan pelaksanaan strategi pengawalan impak banjir, pengurangan kawasan mudah banjir telah dapat dicapai daripada 465 kilometer persegi kepada 289 kilometer persegi melalui penyiapan beberapa projek pencegahan banjir di beberapa Daerah seperti berikut:

- Di Daerah Brunei Muara bagi kawasan Kg Jerudong (Spg 316 sehingga Spg 396-54-12 Jalan Jerudong) dan Kg Tanjong Bunut Kanan (Spg 20 Jln Tg Bunut Kanan) melalui kerja-kerja menaiktaraf saluran dikawasan tersebut.
- Manakala di Daerah Tutong melalui projek Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 (Design and Build) yang telah siap pada 07 Disember 2022 yang mana dijangkakan akan dapat memberi manfaat kepada 13 buah kampong di kawasan hilir kolam iaitu: Kg. Bukit Nibong, Kg. Penulud, Kg. Tanjong Maya, Kg. Sibakit, Kg. Bukit Udal, Kg. Liulon, Kg. Lubuk Pulau, Kg. Bangunggoss, Kg. Pemasang, Kg. Sungai Damit Pemasang, Kg. Penapar dan Kg. Bukit, melalui penurunan paras banjir di kawasan-kawasan tersebut.
- Di Daerah Belait kerja-kerja menaiktaraf saluran di spg 71 hingga spg 455 Kg Sg Bakong telah siap melalui projek Menaiktaraf Sungai Utama Dan Anak-Anak Sungai - Lumut Catchment Area.
- Disamping itu terdapat beberapa projek sedang dilaksanakan seperti kerja mengorek dan melebarkan Sg Brunei, Sg Kedayan dan Sg Damuan, Pembinaan Kolam Takungan Dalam Tadahan Sungai Tutong, Menaiktaraf Longkang di Kawasan Sg Akar dan Sg Hanching, Kontrak Penggal bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Saliran dan Kolam bagi keempat

Daerah yang mana diharapkan akan mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan mudah banjir.

Dengan tambahan 3 buah kolam takungan di Daerah Tutong, terdapat sejumlah 19 buah takungan yang sedia ada dengan 9 buah kolam Di Daerah Brunei Muara, 5 buah di Daerah Tutong, 4 buah di Daerah Belait dan sebuah di Daerah Temburong. Alhamdulillah, impak positif dari perkembangan perkembangan ini telah dapat dilihat dengan pengurangan banjir, walaubagaimanapun impak perubahan iklim, kita menjangkakan cabaran ketidak tentuan hujan boleh mengakibatkan banjir kilat di kawasan-kawasan rendah.

Setakat ini, sebanyak 44% daripada kawasan persisiran pantai di negara ini telah disiapkan dengan benteng hakisan pantai. Usaha-usaha pemeliharaan persisiran pantai diteruskan dengan pelaksanaan projek Kawalan Pesisir iaitu di sepanjang iaitu di sepanjang Pantai Kg Danau dan Projek Mitigasi Banjir dengan kaedah pembinaan Dinding Penahan serta Menaik-taraf Sistem Saliran bagi perlindungan hakisan sungai dan persisiran pantai.

Dengan peruntukkan tahun kewangan 2023/2024, Kementerian ini akan meneruskan bagi penyiapan projek-projek mitigasi banjir. Ini termasuk memastikan pam-pam air dikawasan kawasan yang strategic beroperasi secara optima. Kerja-kerja mengorek dan melebarkan Sg Brunei, Sg Kedayan dan Sg Damuan serta pembinaan kolam takungan dalam tadahan Sg Tutong, menaiktaraf longkang dikawasan Sg Akar dan Sg Hanching akan diteruskan disamping kerja-kerja pemeliharaan melalui kontrak-kontrak penggal bagi keempat Daerah bagi mengurangkan risiko banjir dikawasan yang mudah banjir.

## **SANITASI**

Mengenai dengan sanitasi, Dalam peruntukan tahun 2023/2024, usaha akan diteruskan dalam meningkatkan kadar sanitasi kepada 94 peratus penduduk rakyat dengan penambahbaikan sistem pembetungan melalui projek menaiktarafkan loji rawatan kumbahan Gadong Fasa II, Pintu Malim dan Stesyen Stesyen Pengepam Pembetungan, disamping meningkatkan penyambungan sistem pembetungan secara berpusat di Kampong Menglait, Kg Batu Bersurat dan Pengkalan Gadong. Penyambungan sistem pembetungan secara berpusat dari rumah-rumah ke loji rawatan kumbahan di perluaskan lagi bagi mengelak air kumbahan dari rumah menyalur ke sistem longkang dan ke aliran sungai bagi mengawal dan menjamin kebersihan kualiti air sungai. Manakala projek penaiktarafan saluran paip Pembetungan di Kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria adalah untuk menggantikan paip lama dan meningkatkan ketahanan dan kapasiti sistem pembetungan yang sedia ada bagi menampung kemajuan pesat di kawasan tersebut.

## **PRASARANA JALAN RAYA**

Mengenai dengan prasarana Jalan Raya, dalam usaha meningkatkan pengurusan infrastruktur jalan raya, cabaran pemeliharaan jalan raya dengan mengambilkira penggunaan jalan raya yang meningkat, jentera-jentera berat dan kesesakan lalulintas, usaha berterusan adalah bagi memastikan prasarana jalanraya yang selesa, selamat dan *reliable*.

Antara projek projek yang telah dapat di siapkan di sepanjang Tahun Kewangan 2022/2023 termasuk:

- 55.6 km jalan lebuhraya telah di lapis semula atau *resurfaced*,

- 34 km jalan jalan utama telah di baiki dan di lapis semula,
- 6.3 km jalan Tutong (lama) di diperbaiki
- Sejumlah 27 buah simpang (10.18km) di naiktaraf dari batu ke aspal
- 5.5km jalan jalan Daerah telah diperbaiki
- Jejambat di Lebuhraya Muara Tutong dan Lugu telah mula di gunakan pada 20 February 2022.

Kerja-kerja pembaikan (sectional repair) sedang dalam pelaksanaan di Jalan Tanjong Maya-Penapar sejak September 2022 manakala pembaikkan Jalan Rasau yang berlobang telah dibuat pada Januari 2023. Perancangan kerja-kerja pembaikan akan diteruskan perlaksanaannya dalam projek-projek Rancangan Kemajuan Negara termasuk program Membaiki & Menurap Semula Jalan-Jalan Utama.

Pembinaan jejambat Jalan Penghubung Tanah Jambu sehingga Jalan Utama Mentiri yang telah terhenti sejak tahun 2021 akan di mulakan semula dan di rancang untuk disiapkan sepenuhnya pada awal tahun 2024. Projek tersebut dihasratkan untuk menyediakan jalan pintas bagi pengguna jalan raya menuju ke Daerah Temburong daripada Lebuhraya Muara-Tutong, melalui Jalan Utama Tanah Jambu, Jalan Utama Mentiri, Jalan Kota Batu dan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien nanti. Ini adalah diantara usaha pelaksanaan bagi meningkatkan lagi connectivity menghubungkan jalan-jalan di Negara ini dengan selamat.

### **BANGUNAN-BANGUNAN KOSONG**

Mengenai dengan bangunan-bangunan kosong, dalam menangani isu berkaitan Bangunan-Bangunan Kerajaan yang kosong, satu Jawatankuasa Teknikal Menangani Bangunan-Bangunan Kerajaan telah diamanahkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan

Menteri Pembangunan. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berkesan dalam menangani isu bangunan-bangunan kosong untuk dimanfaatkan sebaik-baiknya. Jabatan Kerja Raya selaku Sekretariat Jawatankuasa ini telah mengemaskinikan inventori bangunan-bangunan Kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Kerja Raya.

Sejauh ini sebanyak 5638 buah bangunan Kerajaan yang telah didaftar. Dari jumlah ini, 594 telah diroboh dan sebanyak 271 buah sedang diperiksa dan di dalam penelitian samada masih utuh untuk dibaikpulih atau diroboh. Daripada jumlah tersebut, 39% daripada bangunan-bangunan kosong adalah di Daerah Belait, 30% di Daerah Tutong, 28% daripadanya adalah di Daerah Brunei Muara dan 3% adalah di Daerah Temburong.

Bagi bangunan yang masih dalam keadaan baik, ianya akan ditawarkan kepada agensi-agensi yang berminat dan yang berkeperluan.

Antara bangunan Kerajaan yang kosong yang telah diguna pakai semula ialah sebuah banglo Kerajaan di Jalan Berakas yang mana telah digunakan sebagai Bangunan Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS sejak bulan April 2022.

Manakala, beberapa bangunan lama telah dirancang untuk diubahsuai seperti bekas bangunan Telbru di Lapangan Terbang Lama untuk digunasesmula oleh Jabatan Kerajaan dan terdapat 10 unit berek di Jalan Paduka Tuan dan Jalan Bolkiah di Daerah Belait dibawah kawalan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur dan Jabatan Daerah telah diubahsuai dan diserahkan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai tempat tinggal bagi orang – orang yang memerlukan.



Sementara itu, Jawatankuasa Teknikal Menangani Bangunan-Bangunan Kerajaan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Menteri Pembangunan akan terus berusaha dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan yang berkesan dalam menangani isu bangunan-bangunan kosong untuk dimanfaatkan sepenuhnya dan mengelakkan pembaziran.

## **SEKTOR GUNA TANAH DAN PERANCANGAN**

Dasar-Dasar mengenai tanah dan perancangan bandar dan desa yang telah yang dikemaskini disampaikan seperti berikut:

- Permohonan Ambil Alih Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bertujuan untuk membolehkan tanah tanah LTS yang bersyarat rumah kediaman yang masih terdapat rumah di atasnya dan masih didiami supaya boleh diambilalih oleh pemohon (yang terdiri daripada ahli keluarga pemegang LTS) yg mendiami rumah berkenaan dengan syarat pemohon-pemohon tidak memiliki tanah bergeran dan tidak mengikuti Skim RPN/STKRJ
- Sejumlah 125 lot LTS bagi Daerah Tutong dan 84 lot LTS bagi Daerah Belait telah dianugerahkan Geran Tanah-Tanah Lesen Tumpang Sementara kepada pemilik-pemilik tanah pada tahun 2022 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Tanah-Tanah Lesen Tumpang Sementara di Bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara pada 7 Julai 2022. Sejumlah 183 lot LTS bagi Daerah Brunei Muara dan 35 lot LTS bagi Daerah Temburong telah diluluskan

dan Insyaallah akan dianugerahkan kepada pemohon-pemohon yang layak yang menduduki tanah-tanah berkenaan

- Ketiga, mempercepatkan proses permohonan tukar syarat khas tanah kepada Perumahan Am kurang dari 1 bulan.
- Keempat, bagi tahun 2022, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan tanah telah menerima sebanyak 473 permohonan bagi menggadai tanah dengan pihak bank.

.....

Untuk ini syarat-syarat gadaian Tanah ialah permohonan yang dihadapkan oleh Tuan punya tanah kepada Jabatan Tanah untuk mencagarkan tanahnya kepada bank atau institusi kewangan.

Permohonan menggadai tanah ini dikawal di bawah Bab 23 Kanun Tanah (Penggai 40), yang mana akan dihadapkan untuk kebenaran Majlis Mesyuarat Kebawah Duli Yang Maha Mulia terlebih dahulu.

Undang-undang ini diantaranya ialah untuk mengawal supaya tuan punya tanah tidak sewenang-wenang menggadai tanah-tanah mereka.

Dasar yang disyaratkan untuk membenarkan permohonan menggadai tanah mereka dikehendaki atas sebab dan tujuan yang terhad sahaja. Diantaranya mendapatkan pinjaman bank untuk:

- 1) Membeli rumah dan tanah yang dipohonkan untuk digadaikan;

- 2) Membeli rumah dan tanah yang lain di dalam Negara atau luar Negara;
  - 3) Membesarkan perniagaan, membina rumah atau membesarkan rumah;
  - 4) Menjelaskan pinjaman terdahulu dengan pihak bank;
  - 5) Membiayai kos pelajaran anak ke luar negara;
  - 6) Untuk pelaburan perniagaan; dan
  - 7) Tujuan-tujuan yang munasabah yang dapat diberi pertimbangan.
- Jabatan Tanah juga pada 2022 telah menerima 479 permohonan penukaran syarat tanah dan 99 permohonan memperbaharui tempoh pajakan tanah.
  - Antara usaha Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang sedang dalam penelitian adalah mengkaji semula garis pandu kemajuan berkenaan seperti garis pandu perniagaan, penyediaan garis pandu baru seperti bagi kemajuan hotel dan pertanian

Melalui Majlis Perancangan Guna tanah satu penelitian sedang dibuat dan masih lagi berjalan dalam meneliti tanah perusahaann untuk tujuan pelaburan yang dapat mendokong meningkatkan ekonomi perekonimian yang masih lagi dalam penilaian. Sebanyak 26 tapak tanah Kerajaan telah dikenalpasti untuk tujuan kemajuan bercampur (mixed development) dibawah program Government Land Lease. Finalization bagi penelitian-penelitian ini akan dapat diselesaikan pada tahun ini.

## **ALAM SEKITAR YANG MAMPAN**

Bagi memastikan kebersihan sungai terutamanya Sungai Brunei, melalui kelulusan peruntukkan pada tahun kewangan 2023/2024 Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan melaksanakan usaha pembersihan Sungai Brunei yang lebih efisien dan efektif dengan menggunakan kaedah dan teknologi yang terkini seperti bot skimmer, barge dan Penghadang sampah atau 'booms'. Ini termasuk kerja-kerja infra seperti memasang perangkap sampah pada outlet saluran bagi mengelak sampah dari darat masuk ke sungai.

Bagi menjamin kebersihan di darat pula, pengurusan operasi dan pemeliharaan tempat-tempat pembuangan sampah juga di beri perhatian utama khususnya pengurusan stesyen pindah sampah di Sg Akar dan Tapak Pelupusan Sg Paku. Tapak Pelupusan Sungai Paku yang berkeluasan 104 hektar pada masa ini dan menerima 90% daripada keseluruhan sampah yang dihasilkan negara ini, dijangka akan mencapai had kapasitinya pada tahun 2030.

Oleh itu, ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih berdaya tahan dan lebih efektif, serta memerlukan kawasan tanah yang jauh lebih kecil, perancangan Kementerian ini ialah untuk melaksanakan fasa awal bagi penyediaan dokumentasi *Request For Proposal* bagi pembinaan sebuah Loji Insinerator *Waste-to-Energy* yang berupaya untuk memproses 800 hingga 1000 tan metrik sampah sehari dan pada masa yang sama boleh menjana tenaga elektrik. Isu seperti masalah bau dan *leachate* (air larut resap) yang biasanya dikaitkan dengan kaedah *landfilling* boleh dielakkan. Dengan adanya pelaksanaan teknologi terkini pengurusan solid waste ini, isu pencemaran seperti pelepasan gas daripada loji insinerator juga boleh ditangani dengan

sebaik-baiknya. Kaedah ini juga dinilai menjamin pengurusan sampah yang lebih efisien dalam jangka masa 20 tahun ke depan.

Pengurusan dan pemeliharaan taman-taman dibawah jagaan pihak JASTRe juga diberi perhatian dalam peruntukkan tahun ini. Ini termasuklah Taman Mahkota Jubli Emas yang mana telah diserahkan pengurusan pemeliharaan landskap kepada JASTRe bermula pada bulan November tahun 2022. Peranan JASTRe ialah mengambilalih pemeliharaan landskap Taman ini sahaja. Taman Mahkota Jubli Emas kekal di bawah bidangkuasa dan ownership Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan mengikut kuasa undang-undang sedia ada.

Alhamdulillah keberkesanan usaha dalam mempromosikan kesedaran awam terhadap peripentingnya menjaga kebersihan alam sekitar, peningkatan dalam penglibatan orang ramai, agensi Kerajaan dan sektor swasta secara sukarela kian meningkat. Inshaallah, kita mengharapkan usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran kebersihan akan diteruskan lagi.

## **INDUSTRI PEMBINAAN**

Dalam melaksanakan peranan Kementerian Pembangunan selaku Peneraju bagi Manpower Industry Steering Committee (MISC) – bagi sektor pembinaan sejak penubuhan Jawatankuasa ini pada tahun 2020, beberapa program dengan sokongan padu dari institusi institusi pengajian, agensi agensi dan autoriti berkaitan telah dilaksanakan, untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan pencari pekerjaan dan graduan tempatan dengan lulusan disiplin yang relevan dalam industri pembinaan. Program-program ini bagi meningkatkan peluang pekerjaan tenaga kerja tempatan.

Komiti ini telah mengenal pasti 11 Critical Occupations yang boleh diambil alih oleh anak-anak tempatan iaitu jawatan [1] Resident Technical Officer, [2]

Clerks of Works, [3] Construction Site Representative, [4] Draughtsperson atau tukang lukis, [5] Penyelaras HSE, [6] Pemandu Heavy Goods Vehicle kelas II dan 5, [7] tukang kayu, [8] Scaffolder bagi pembinaan, [9] juru-elektrik bangunan, [10] Juruteknik penghawa dingin, [10] tukang paip .

Dalam pada itu, keperluan jawatan seperti Juruukur Bahan, Juruteknik dalam jurusan jurukur bahan, Ejen dan penilai hartanah, Juruukur Tanah dan operator mesin juga dilihat dapat dibuat oleh graduan tempatan memandangkan masih terdapatnya kekurangan jawatan-jawatan ini yang dipegang oleh anak tempatan. Dari penglibatan Kementerian Pembangunan, melalui MISC, beberapa program telah dilaksanakan bersama yang antara lain termasuk:

- Bersama pihak swasta dalam mengungkuhkan program latihan kepada dua cohort lepasan graduan dalam jurusan teknikal yang berdaftar dengan i-ready untuk mengikuti program Architect – Mechanical & Electrical – Civil & Structural (ARMECS). Program ini bertujuan untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang teknikal seperti Site Supervisors dan Resident Technical Officers.
- Bersama Institute Brunei Technical Education (IBTE) dimana melalui program Dual Technical and Vocational Education Training, (TVET) – bagi level HNTEC dalam Construction and Draughting, seramai 199 pelajar dalam dua pengambilan telah mengikuti kursus tersebut bermula pada Julai 2021 dan Ogos 2022 bagi pengambilan kedua. Kursus tersebut dijalankan selama dua tahun di IBTE dan pelajar pelajar dari pengambilan pertama akan menamatkan kursus pada Oktober/November 2023.
- Bersama pihak IBTE gabungan Manpower Industry Steering Committee & Energy telah mengemaskini module IBTE IGC 03 Health Safety Security and Environment yang mana telah diluluskan dan diiktiraf oleh

pihak BDANC sebanding dengan Institution of Occupation Safety and Health (IOSH) pada September 2021 kearah pengisian sebahagian keperluan Workplace Safety & Health Coordinator.

- “HSE Competency Apprenticeship Programme” (Pilot) juga telah dilancarkan pada 18 Jun 2022. Sejak diperkenalkan, program ini telah menerima kemasukan 80 peserta bagi 3 pengambilan (3 cohort) sehingga Januari 2023 yang terdiri daripada syarikat-syarikat sektor Tenaga dan Pembinaan. Dari 80 peserta ini, 36 peserta mengambil kursus IOSH dan 44 peserta mengambil kursus National Exam Board in Occupational Safety and Health (NEBOSH). Alhamdulillah, daripada 3 pengambilan ini, seramai 13 daripada 36 peserta telah selesai menjalani kursus IOSH dan 4 daripada 44 peserta telah menamatkan Kursus NEBOSH sementara selebihnya masih menjalani kursus -kursus berkenaan.

Program-program yang telah disediakan ini bertujuan bagi membolehkan pelatih-pelatih untuk memenuhi syarat keperluan **WSH (Workplace Safety and Health Officers) Regulations 2014 S036 Cl.3 & Second Schedule** bagi Jawatan *Workplace Safety & Health (WSH) Coordinator* dan bagi memenuhi syarat keperluan **WSH (Construction) Regulations 2014 S035 Cl.6** bagi jawatan *Workplace Safety & Health Officer* yang memenuhi keperluan SHENA bagi Work Place Safety and Health Order 2014. Inisiatif ini juga adalah bagi melengkapkan para peserta dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri pembinaan serta menjadikan mereka lebih marketable & employable kepada pihak Industri apabila peratauran dan undang-undang ini dikuatkuasakan sepenuhnya nanti.

## **PENGAWALAN PENILAI DAN EJEN ESTET HARTANAH (BOVEA)**

Dalam hal ehwal pengawalan penilai dan estet-estet hartanah pula, melalui Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah, seramai 19 practitioners yang berdaftar yang mana 3 antaranya adalah penjalan ejen penilai (*valuers*) dan 16 penjalan amalan ejen Harta Tanah (*estate agent*) yang berdaftar.

Pada tahun 2019, satu Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kementerian Pembangunan dan Insitut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah dimeterai. Usaha kolaborasi ini berjaya melatih seramai 28 pelajar mengikuti latihan dan berkelayakan sebagai ejen hartanah. Seramai 6 para graduan lepasan IBTE dalam kursus HNTec Real Estate Management and Agency telah berjaya mendapatkan peluang – peluang pekerjaan dibawah penyeliaan Qualified Practitioner yang berdaftar dibawah BOVEA.

Pencapaian ini adalah di antara pencapaian langkah kehadapan walaupun masih diangka yang kecil, Insyaallah kejayaan yang besar perlu dimulakan dengan langkah permulaan dalam mendokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam kearah “workforce localization”.

## **PENGUATKUASAAN**

Dalam fokus penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan-Jabatan di bawahnya terus melaksanakan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan selaras dengan dasar dan undang-undang , diantaranya ialah:-

1. Seramai **228 individu dan 117 syarikat** telah dikenakan kompaun dibawah *Miscellaneous Offences Act 2021* keatas kesalahan pembuangan sampah di tempat awam dan ini adalah termasuk keberhasilan penangkapan kes pembuangan sampah melalui



pemantauan (surveillance) CCTV bagi tempat-tempat 'hotspot' illegal dumping.

2. Melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (TCP), sebanyak **27** jumlah Waran kompaun dibawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 2015 dibawah Peraturan Kesalahan - Kesalahan Kecil telah dikeluarkan dengan bayaran denda kompaun bernilai \$6750.00. Kompaunding tersebut adalah bagi kesalahan kegiatan tanpa kebenaran yang menghalang laluan, driveway, tempat letak kereta serta yang melibatkan Kawasan garis bangunan atau landskap.
3. Pihak ABCi juga telah mengambil tindakan keatas isu – isu pelanggaran Perintah Kawalan Bangunan 2014 dengan mengeluarkan:
  - sebanyak **354 surat** Peringatan/Amaran/Teguran telah dikeluarkan;
  - **17** Notis Penguatkuasaan pertama dan **11** Notis Penguatkuasaan Akhir;dan
  - Sejak November 2021, dibawah peruntukan seksyen 71 Compounding Regulation sebanyak **35** kompaun dibawah kesalahan pemasangan iklan/papan tanda tanpa kebenaran. **3** kompaun dibawah kesalahan melaksanakan kerja kerja pembinaan tanpa pendaftaran yang sah sebagai lesen Pembina telah dikeluarkan.

Dengan adanya usaha-usaha penguatkuasaan ini, Kementerian Pembangunan yakin ianya akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuhan undang-undang pembinaan, perancangan tanah maupun kebersihan. Ianya bertujuan untuk menjaga keselamatan dalam industri pembinaan, mengurangkan risiko yang menjejaskan keselamatan orang awam dan untuk menjaga kebersihan dan mencegah pencemaran alam sekitar yang boleh memudaratkan kesihatan awam.

## **ADUAN ORANG RAMAI**

Kaola ingin sekali lagi mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan kepada masyarakat dan orang ramai yang telah menyalurkan maklumat dan aduan kepada Kementerian Pembangunan yang berkaitan dengan apa jua kesulitan, kekurangan dan kelemahan yang dihadapi. Aduan dan maklumat yang disampaikan adalah penting dan kaola sangat mengalu-alukan peranan orang ramai yang membuat aduan sama ada melalui saluran talian darusalam 123 dan melalui saluran perhubungan yang lain termasuk media sosial seperti facebook, Instagram, whatsapp dan apa jua kaedah yang lain.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin mengongsikan disepanjang tahun 2022, sebanyak **55,448 aduan telah diterima oleh Kementerian Pembangunan melalui Talian Darusalam 123.**

Aduan tertinggi yang sering diterima adalah mengenai dengan gangguan bekalan air iaitu sebanyak 34,743 iaitu 62% aduan daripada keseluruhan 55,448 aduan yang diterima oleh Kementerian Pembangunan.

Setakat ini 96.99 peratus aduan telah diselesaikan, manakala 698 aduan/1.95 peratus masih belum selesai. Kementerian Pembagunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah merangka beberapa inisiatif-inisiatif bagi mengurangkan masalah bekalan air seperti berikut:-

1. Kerja-kerja penggantian paip lama melalui projek OCAR/Rancangan Kemajuan Negara;
2. Menambah pemantauan dengan menambah frekuensi pengambilan contoh-contoh air di Kawasan terjejas;

3. Setiap tangki-tangki air diurus diselenggara dan diperiksa supaya gangguan bekalan air boleh dicegah dan dikurangi;
4. Memastikan pembersihan dibuat secara berkala dan berjadual bagi tangki di seluruh Daerah Brunei Muara, Tutong, Temburong dan Belait bagi memastikan masalah air kekuningan atau berlumpur dapat dikawal dan dihindari;

Yang Dipertua Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat

Aduan kedua tertinggi yang diterima Kementerian ini ialah mengenai Jabatan Jalan Raya.

Bagi tahun 2022, sebanyak 8,693 aduan. Dari jumlah aduan ini, 69 % aduan/permohonan yang diterima telahpun siap dibuat pembaikan oleh Jabatan ini. Sementara itu, 31% masih belum diselesaikan.

Antara aduan yang diterima oleh Jabatan Jalan Raya adalah seperti aduan mengenai jalan rosak dan berlubang, lampu isyarat yang tidak berfungsi, pokok tumbang, longkang tersumbat, rumput panjang, air bertakung, jalan banjir, papan tanda/pagar besi guardrail/ grating longkang/ kalbat/ manhole rosak, garis jalan pudar, serta permohonan-permohonan bagi cermin keselamatan, bandul dan zebra crossing untuk dipasang.

Sebagai contoh, bagi aduan kerosakan jalan, sebanyak 3,828 aduan/permohonan untuk membuat / memperbaiki jalan di Jabatan Jalan Raya masih menunggu untuk ditutup/diselesaikan. Adalah diakui aduan yang diterima sebahagian besar ialah mengenai dengan jalan-jalan rosak dan berlobang, permohonan bagi mengaspal jalan-jalan simpang, dan yang

berkaitan dengannya, adalah antara jumlah aduan yang tertinggi, namun Kementerian ini akan mengusahakan untuk memperbaiki rangkaian jalan melalui peruntukan yang telah disediakan.

Selain itu, Jabatan Jalan Raya juga sering menerima aduan mengenai dengan kerosakan lampu isyarat. Sebanyak 18% (2794 aduan) terdiri daripada masalah mengenai lampu isyarat yang tidak berfungsi. Bagi mengatasi perkara ini, Jabatan Jalan Raya berusaha menangani aduan yang diterima dengan segera bagi melancarkan aliran trafik terutamanya pada waktu-waktu puncak (peak hours) manakala bagi isu bekalan elektrik ke atas lampu isyarat, Kementerian Pembangunan akan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri bagi menangani isu ini secara bersama.

Jabatan Saliran dan Pembentukan menerima 3,023 aduan / 5.45 peratus , aduan ketiga tertinggi diterima Kementerian ini. Aduan yang sering diterima jabatan ini adalah mengenai dengan masalah dan saluran pembentukan yang tersumbat & rosak , di mana sebanyak 92 aduan yang masih belum diselesaikan manakala 2,765 aduan / 91.4 peratus telah pun selesai dibuat pembaikan. Jabatan Saliran dan Pembentukan telah mengambil beberapa inisiatif seperti berikut:-

1. Tindakan bagi membaiki paip patah atau pecah dan membaiki/mengganti pam dan peralatan mekanikal dan elektrik;
2. Tindakan memasang/mengganti pagar anti-theft bagi stesen-stesen pam dan loji rawatan kumbahan;
3. Tindakan menaiktaraf paip pembentukan utama dan kapasiti serta fasiliti stesen-stesen pam dan loji-loji rawatan kumbahan; dan
4. Mengemaskini keperluan dan spesifikasi rekabentuk dan pemeliharaan pembentukan mengikut best practice dan keperluan terkini.

Alhamdulillah, daripada jumlah keseluruhan aduan (55,448 aduan) yang diterima Kementerian Pembangunan bagi tahun 2022, Setakat ini sebanyak 47,808 aduan iaitu 86.22 peratus berjaya diselesaikan dan 7,640 aduan / 13.78 peratus aduan masih belum dapat untuk diselesaikan disebabkan oleh beberapa keterbatasan yang memerlukan masa untuk diselesaikan dan masih lagi ditangani dan diberikan perhatian sehingga kini.

YB Pehin Pengerusi,

Koala mengambil keutamaan akan kepentingan aduan-aduan orang ramai ini, ianya adalah salah satu tanda aras yang relevan bagi Kementerian Pembangunan untuk menilai dan memperbaiki mutu perkhidmatan abis kaoala dalam memastikan kemaslahatan orang ramai ditangani dan diberikan perhatian dan tindakan yang sebaik-baiknya.

Sekian sahaja yang dapat kaola kongsi di dewan yang mulia ini. Segala inistiaf dan usaha-usaha yang dikongsi tadi akan dipertingkatkan demi menjamin kesejahteraan dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat negara ini.

kaola/saya mengakhiri mukadimah ini dengan memohon doa ke hadrat Allah, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli kerabat diraja akan terus dikurniakan nikmat lanjut usia dan kesihatan serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,